



NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Pembekal / Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut:-

No.	No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Dan Masa Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
1.	NREB/T/3/2025	Tender For Supply And Delivery Of Fire Fighting Equipment To The Natural Resources And Environment Board (NREB), Sarawak	Office Machines/ Equipment/ Technical Supplies And Others Head IV Sub-head 6g & 6h(i)	50.00	18 Julai 2025 (8.30 pg hingga 3.30 ptg)	24 Julai 2025 (12.00 tgh)

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat bentuk **Tunai** yang dibayar atas nama "**Natural Resources and Environment Board**".
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **14 Julai hingga 18 Julai 2025** pada waktu pejabat di alamat **Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Tingkat 20, Menara Pelita, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak**.
5. "Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup yang ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari tender ditutup. Ini adalah berikutan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh pelawat sebelum memasuki premis kerajaan dan bagi memastikan Petender dapat mengemukakan Dokument tender sebelum Tarikh dan Masa Tutup Tender. NREB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Petender gagal/lewat untuk mengemukakan Dokumen Tender pada masa dan tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
6. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

**Controller Kualiti Alam Sekitar SARAWAK,
Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar,
Tingkat 18-20, Menara Pelita,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak.**

6. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. **Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Sarawak** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.
8. Untuk sebarang pertanyaan berhubung dengan tender tersebut di atas sila hubungi Seksyen Kewangan di talian 082-440504.

**Controller Kualiti Alam Sekitar
SARAWAK**